




**JABATAN LAUT MALAYSIA
BAHAGIAN PENDAFTARAN KAPAL**

GARIS PANDUAN PENGGUNA BAGI PERMOHONAN NAMA KAPAL

Disember 2020

	JABATAN LAUT MALAYSIA
	GARIS PANDUAN PENGGUNA BAGI PERMOHONAN NAMA KAPAL
	TARIKH KEMASKINI : DISEMBER 2020

1. PENGENALAN

Perkara ini adalah merujuk kepada Bahagian IIA (Pendaftaran Kapal Malaysia – MSR) dan Bahagian IIC (Pendaftaran Kapal Antarabangsa Malaysia – MISR), Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 (OPS 1952).

Sijil Kebenaran Menggunakan Nama Kapal (SKMNK) akan dikeluarkan oleh Pejabat Pendaftar Kapal-Kapal, Jabatan Laut Malaysia.

2. KEPERLUAN PEMATUHAN

2.1 Permohonan nama kapal adalah merupakan keperluan kepada semua kapal yang hendak berdaftar di Malaysia.

2.2 Permohonan nama kapal yang tidak dibenarkan adalah seperti berikut :


- a. Nama-nama Kesultanan, Pembesar Negeri, Ahli Politik dan Kurniaan Kebesaran seperti 'Muzaffar Shah', 'Tengku Muzaffar', 'Tan Sri', 'Datuk Razali' dan sebagainya.
- b. Nama yang bersifat perkauman atau dengan tujuan untuk menghina atau lucah.
- c. Nama yang mempunyai tujuan untuk menipu atau mengelirukan.
- d. Nama yang sepenuhnya dari huruf singkatan, seperti 'Y.T.M', 'K.K 17', 'S 12' dan sebagainya.
- e. Nombor mendahului nama seperti '113 Trading', 'IV Setia', 'No. 3 Bersatu' dan sebagainya.
- f. Nama sepenuhnya dari nombor seperti '123', 'IV' dan sebagainya.
- g. Nama kapal yang masih berdaftar dalam Pendaftaran Malaysia.
- h. Nama kapal yang pernah wujud dalam Pendaftaran Malaysia.

2.3 Permohonan nama kapal dengan menggunakan huruf singkatan sebagai Prefix dan diikuti dengan nama atau nombor adalah dibenarkan. Contohnya 'YTM Lady', 'YTM 01' dan sebagainya.

3. RUJUKAN

Rujukan boleh dibuat kepada :

- i. Bahagian IIA dan Bahagian IIC, OPS 1952.

	JABATAN LAUT MALAYSIA
	GARIS PANDUAN PENGGUNA BAGI PERMOHONAN NAMA KAPAL
	TARIKH KEMASKINI : DISEMBER 2020

4. KAEDAH PERMOHONAN

Permohonan nama kapal perlu dikemukakan kepada Pejabat Pendaftar Kapal-Kapal dimana kapal tersebut ingin didaftarkan iaitu :

- a. Jabatan Laut Wilayah Utara (Penang);
- b. Jabatan Laut Wilayah Tengah (Port Kelang);
- c. Jabatan Laut Wilayah Sarawak (Kuching);
- d. Jabatan Laut Wilayah Sabah (Kota Kinabalu);
- e. Jabatan Laut Wilayah Persekutuan Labuan (Labuan) – MISR.

Sila layari laman web Jabatan Laut Malaysia : www.marine.gov.my

(Prosedur →Perkapalan →Pendaftaran Kapal Malaysia / Pendaftaran Kapal Antarabangsa Malaysia (Labuan) →Pelabuhan Daftar)

bagi direktori perhubungan Pejabat Pendaftar Kapal-Kapal.

5. JADUAL FI

Tiada fi dikenakan.

6. SENARAI BORANG

- a. Borang Permohonan Nama Kapal **(M270/BPK/04-2019)**.
- b. Borang Permohonan Tempahan Prefix / Suffix Bagi Nama Kapal **(M270/BPK/05-2019)** (jika perlu).
- c. Borang Lantikan / Pembatalan Pegawai Yang Dibenar **(DK/BPK/02-2019)**.

Semua borang-borang ini boleh dimuat turun di www.marine.gov.my

(Perkhidmatan →Borang →Perkapalan → Pendaftaran Kapal Malaysia / Pendaftaran Kapal Antarabangsa Malaysia (Labuan))

7. PIAGAM PELANGGAN

Memproses dan mengeluarkan Sijil Kebenaran Menggunakan Nama Kapal (SKMNK) dalam tempoh 2 hari bekerja selepas permohonan lengkap diterima.




JABATAN LAUT MALAYSIA

GARIS PANDUAN PENGGUNA BAGI PERMOHONAN NAMA KAPAL

TARIKH KEMASKINI : DISEMBER 2020

8. CARTA ALIR PERMOHONAN



Jabatan Laut Malaysia akan menyemak maklumat yang dikemukakan, walau bagaimanapun adalah menjadi tanggungjawab pemilik kapal untuk memastikan bahawa semua maklumat yang dinyatakan di dalam borang permohonan adalah tepat. Sebarang maklumat yang tidak tepat akan menyebabkan kelewatan dalam proses permohonan atau SKMNK yang dikeluarkan tidak tepat.